

BAB 8 – TAMADUN ISLAM DAN SUMBANGANNYA

(Halaman 165)

Kehidupan Nabi Muhammad SAW sebelum dilantik menjadi Rasulullah

Nabi Muhammad SAW dilahirkan pada 12 Rabiul Awal Tahun Gajah, iaitu tahun Abrahah Al Asyram telah melanggar masuk kota Makkah dalam rangka percubaannya untuk memusnahkan Kaabah. Namun begitu, percubaan Abrahah ini menemui kegagalan. Ayahanda Nabi Muhammad SAW bernama Abdullah bin Abdul Mutalib telah meninggal dunia ketika baginda baru berusia dua bulan dalam kandungan ibunya yang bernama Aminah binti Wahab. Baginda kemudiannya disusukan oleh Halimah binti Abi Zuwaib, berasal daripada puak Bani Sa'd. Ini adalah mengikut adat resam orang Arab ketika itu.

Kampung Bani Sa'd ketika itu mengalami kemarau yang teruk. Namun begitu, ketika Nabi Muhamad SAW ke rumah Halimah dan menyusu darinya, keadaan berubah. Kambing ternakan menjadi sihat dengan uncang susu yang banyak, malahan tanaman juga subur menghidupkan. Selepas beberapa tahun menyusu Nabi Muhammad SAW, Halimah menghantarnya kembali ke pangkuan ibunya sehingga berumur enam tahun.

Ibunya telah meninggal dunia ketika baginda berusia enam tahun dan datuknya Abdul Mutalib mengambil peranan mendidik baginda. Ketika baginda berusia lapan tahun, datuknya meninggal dunia dan baginda dipelihara pula oleh bapa saudaranya Abu Talib.

Dalam usia 12 tahun, Abu Talib membawa baginda ke Syam (Syria) untuk berniaga. Ketika sampai di Basra mereka bertemu dengan seorang rahib bernama Buhaira. Buhaira bijak mengenai kitab Injil dan agama Nasrani (Kristian). Buhaira telah mempersilakan rombongan Abi Talib singgah ke rumahnya dan memberitahu bahawa Nabi Muhammad SAW ialah nabi terakhir berpandukan pada ciri-ciri baginda. Buhaira menyatakan yang terdapat tanda kenabian pada Nabi Muhammad SAW seperti yang tersebut dalam kitab-kitab yang dibaca Buhaira. Lalu Buhaira meminta Abu Talib menghantar Nabi Muhammad SAW pulang kerana khawatir orang Yahudi akan mengetahuinya dan boleh mengancam nyawanya.

Ketika remaja, Nabi Muhammad SAW bekerja menggembala kambing milik penduduk Makkah dengan bayaran beberapa dinar. Ketika berusia 25 tahun, baginda berdagang ke Syam untuk menjalankan perdagangan saudagar kaya bernama Khadijah binti Khuwalid. Sebilangan besar orang Arab pada masa itu meminjam sebahagian besar daripada hartanya itu sebagai modal perniagaan mereka. Khadijah biasanya mengupah pekerja lelaki untuk menjalankan perniagaannya atau dengan sistem mudarabah, iaitu dengan pembahagian hasil keuntungan.

Apabila Khadijah mendengar tentang sifat amanah dan peribadi mulia Nabi Muhammad SAW, dia segera mengutus seseorang untuk menawarkan pekerjaan kepada baginda. Lantas, Nabi Muhammad SAW telah bersetuju menerima tawaran perniagaan tersebut dengan dibantu oleh Maisarah. Keuntungan berlipat kali ganda berjaya diperoleh dan disaksikan sendiri oleh Maisarah akan sifat Nabi Muhammad ketika berniaga iaitu amanah, berfikiran tajam dan lembut tutur katanya.

Khadijah tertawan dengan sifat dan budi pekerti Nabi Muhammad SAW dan meminta Nafisah binti Manbah untuk menyatakan hasrat Khadijah menjadikan Nabi Muhammad SAW sebagai teman hidupnya. Nabi Muhammad SAW menyambut baik hasrat Khadijah dan memaklumkan kepada bapa saudara baginda. Lalu mereka pun menemui bapa saudara Khadijah untuk meminangnya. Perkahwinan Nabi Muhammad SAW dilaksanakan tatkala Nabi Muhammad SAW berusia 25 tahun, manakala Khadijah berusia 40 tahun.

Ketika Nabi Muhammad SAW berusia 35 tahun, orang Quraisy membaiki kerosakan Kaabah akibat banjir dan baginda turut memberikan sumbangan fikiran dan tenaga. Baginda sendiri berusaha mengangkat batu-batu dengan tangan baginda sendiri. Ketika pembaikan sampai tahap peletakan kembali Hajarul Aswad pada tempatnya semula, orang Arab Quraisy mulai berselisih tentang siapakah yang layak mendapat penghormatan meletakkannya kembali di penjuru Kaabah. Perbalahan berterusan selama empat hingga lima hari.

Abu Umaiyah bin Mughirah meredakan suasana dengan menawarkan cadangan agar orang yang pertama memasuki kawasan ini akan diminta cadangan untuk meletakkan Hajarul Aswad. Rupa-rupanya orang yang pertama masuk ialah Nabi Muhammad SAW dan baginda mencadangkan agar sehelai kain yang panjang dan lebar digunakan. Baginda meminta semua pembesar setiap kabilah memegang hujung kain dan setelah sampai ke tempat perletakan Hajarul Aswad, baginda sendiri mengambil dan meletakkannya di tempatnya semula. Penyelesaian bijak ini dipersetujui oleh semua pihak.

Ketika Nabi Muhammad SAW mencapai usia 40 tahun, baginda begitu gemar mengasingkan diri dan memikirkan fenomena alam dan keadaan masyarakat ketika itu di Gua Hira' yang terletak di Jabal Nur. Akhirnya, ketika berada di dalam Gua Hira' pada bulan Ramadhan, Allah SWT mengutus Jibrail dengan membawa wahyu pertama, iaitu surah al-Alaq ayat 1-5.

Sumber:

Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti, 1985. Fiqh al-Sirah (terjemahan Ust Mohd Darus Sanawi). Selangor: Dewan Pustaka Fajar.
Syeikh Sofiyurahman al-Mubarakfuri, 2015. Ar-Rahiq al-Makhtum Sirah Nabi. Selangor: Kemilau Publika Sdn. Bhd.